

**"air dicincang  
tak akan putus"**



# Maksud Peribahasa



Air dicincang  
takkan putus

Perselisihan atau pergaduhan di antara adik beradik tidak kekal lama kerana akan berbaik semula



*animhosnan*

Cincang  
Air Tidak  
Akan  
Putus



**Adik beradik** = beberapa orang yg mempunyai hubungan kekeluargaan (kerana seayah atau seayah dan seibu)

Baik buruk tetap adik beradik kita, **jangan burukkan** atau hinakan adik beradik kita dan **jangan putus silaturahmi** dengan adik beradik.

Hadis Nabi SAW: “ **Tidak masuk syurga orang yang memutuskan silaturahmi.**”

Yang sepatutnya ialah :

- saling tegur menegur
- Saling membetulkan kesilapan, bukan mencari kesalahan
- Saling memaafkan jika berselisih faham dsb
- Berbaik sangka
- Bantu membantu antara adik beradik

# Ambillah iktibar kisah Nabi Yusuf

Nabi Yusuf a.s. dikurniakan nikmat-nikmat yang mulia seperti ilmu pengetahuan, ketenangan, akhlak mulia, dakwah kepada Allah dan agamaNya, **sifat pemaaf kepada abang-abangnya yang melakukan kesalahan terhadapnya dan tidak mengungkit-ngungkit serta memalukan mereka.**

Nabi Yusuf a.s. juga dikurniakan sifat mulia menghormati ayah dan ibunya, **membuat kebajikan kepada saudara maranya** dan juga kepada manusia sejagat. (fadlan-mohd-othman.blogspot.com,2014)

وَرَفَعَ أَبَوَيْهِ عَلَى الْعَرْشِ وَخَرُّوا لَهُ سُجَّدًا وَقَالَ يَا أَبَتِ هَذَا تَأْوِيلُ  
رُؤْيَاكَ مِنْ قَبْلُ قَدْ جَعَلَهَا رَبِّي حَقًّا وَقَدْ أَحْسَنَ بِي إِذْ أَخْرَجَنِي  
مِنَ السِّجْنِ وَجَاءَ بِكُمْ مِنَ الْبَدْوِ مِنْ بَعْدِ أَنْ نَزَغَ الشَّيْطَانُ  
بَيْنِي وَبَيْنَ إِخْوَتِي إِنَّ رَبِّي لَطِيفٌ لِمَا يَشَاءُ إِنَّهُ هُوَ الْعَلِيمُ الْحَكِيمُ

**“Dan ia dudukkan kedua ibu bapanya (bersama-samanya) di atas kerusi kebesaran. Dan setelah itu mereka semuanya tunduk memberi hormat kepada Yusuf. Dan (pada saat itu) berkatalah Yusuf: "Wahai ayahku! Inilah dia tafsiran mimpiku dahulu. Sesungguhnya Allah telah menjadikan mimpiku itu benar. Dan sesungguhnya Dia telah melimpahkan kebaikan kepadaku ketika Dia mengeluarkan aku dari penjara; dan Dia membawa kamu ke mari dari dosa sesudah Syaitan (dengan hasutannya) merosakkan perhubungan antaraku dengan saudara-saudaraku. Sesungguhnya Tuhanku lemah-lembut tadbirNya bagi apa yang dikehendakiNya; sesungguhnya Dia lah yang Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.” ( Surah Yusuf:100)**

# Matang dan lebih berhati-hati dalam tindakan lebih-lebih lagi dengan adik beradik

- ▶ Dalam Surah Yusuf:100 di atas , ternyata ketika Yusuf A.S. telah berada dalam puncak kegemilangan, dia tidak terpedaya dengan kejayaan yang dinikmatinya dan **kekuatan pemikirannya masih waras dalam memberikan penilaian atas sikap saudara-saudaranya dahulu..** yang sanggup membuangnya dalam perigi, lalu dikutip oleh rombongan dagang dan kemudiannya dijual sebagai seorang hamba.

- Dalam pertemuan bersama ibu bapa dan saudara-saudara Yusuf A.S., baginda **tidak mengungkit perlakuan saudara-saudaranya** yang telah menjerumuskannya ke dasar perigi. Secara halus ia hanya mengisyaratkan **terjadinya kerenggangan hubungan antara mereka yang dinyatakan sebagai disebabkan oleh SYAITAN**. Dalam firman Allah yang lain:

إِنَّمَا يُرِيدُ الشَّيْطَانُ أَنْ يُوقِعَ بَيْنَكُمُ الْعَدَاوَةَ وَالْبَغْضَاءَ فِي الْخَمْرِ

وَالْمَيْسِرِ وَيَصُدَّكُمْ عَنْ ذِكْرِ اللَّهِ وَعَنِ الصَّلَاةِ فَهَلْ أَنْتُمْ مُنْتَهُونَ ﴿٩١﴾

**“Sesungguhnya Syaitan itu hanyalah bermaksud mahu menimbulkan permusuhan dan kebencian di antara kamu dengan sebab arak dan judi, dan mahu memalingkan kamu daripada mengingati Allah dan daripada mengerjakan sembahyang. Oleh itu, mahukah kamu berhenti (daripada melakukan perkara-perkara yang keji dan kotor itu atau kamu masih berdegil)?” (Al-Maaidah 5:91)**

ذَٰلِكَ مِنْ أَنْبَاءِ الْغَيْبِ نُوحِيهِ إِلَيْكَ وَمَا كُنْتَ لَدَيْهِمْ إِذْ أَجْمَعُوا أَمْرَهُمْ

وَهُمْ يَمْكُرُونَ ﴿١٠٢﴾

(Kisah Nabi Yusuf) yang demikian ialah dari berita-berita yang ghaib yang kami wahyukan kepadamu (wahai Muhammad), sedang engkau tidak ada bersama-sama mereka semasa **mereka sekata mengambil keputusan (hendak membuang Yusuf ke dalam perigi) dan semasa mereka menjalankan rancangan jahat (terhadapnya untuk membinasakannya).** (Surah Yusuf 12:102)



Tidak bercakap dengan kata-kata yang  
mengguris perasaan


**Nabi Yusuf A.S. tidak mengucapkan kata-kata yang dapat mengguris perasaan saudara-saudaranya dan menghancurkan suasana kebahagiaan yang sedang dirasakan keluarga besarnya ketika itu.**

**Tidak besar diri jawatan bila berhadapan  
dengan adik beradik**

**Begitu juga Yusuf A.S. tidak menyebutkan dia  
kini adalah seorang penguasa yang  
bertanggungjawab mengurus perbendaharaan  
negara Mesir.**

# Keburukan dibalas dengan kebaikan

- ▶ Yusuf A.S. telah mengajarkan prinsip-prinsip moral kepada orang yang memiliki kuasa yaitu **perlakuan buruk orang lain tidak seharusnya dibalas dengan keburukan yang sama tetapi dibalas dengan kebaikan, bahkan dengan kadar yang lebih.**



# Berlaku adil

- Kebencian **tidak boleh menghalangi seseorang berbuat adil** terhadap orang lain.

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ عَامَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ لِلَّهِ شُهَدَاءَ بِالْقِسْطِ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ

شَتَانُ قَوْمٍ عَلَىٰ أَلَّا تَعْدِلُوا أَعْدِلُوا هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ

خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿٨﴾

## Maksudnya:

“Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran; **dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada taqwa. Dan bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.**” (Al-Maidah 5:8)

# Tidak membalas dendam

Nabi Yusuf berjiwa besar apabila dia **menerima saudara-saudaranya yang datang ke Mesir** untuk memperolehi hak pembelian gandum dari gudang pemerintah kerajaan Mesir. Kalau Nabi Yusuf mahu melakukan pembalasan terhadap saudara-saudaranya yang telah melemparkannya ke dalam sebuah perigi dan memisahkannya dari ayahnya yang sangat dicintai tentu saja boleh pada masa itu. Namun Nabi Yusuf tidak bertindak demikian bahkan sebaliknya **dia menerima mereka dengan ramah-tamah dan melayani keperluan mereka dengan penuh kasih sayang, seolah-olah tidak pernah terjadi apa yang telah dialami akibat tindakan saudara-saudaranya yang kejam dan tidak berperikemanusiaan.** Nabi Yusuf telah melupakan semua penderitaan pahit yang telah dialaminya akibat tindakan saudara-saudaranya itu dengan memberi pengampunan kepada mereka, padahal ia berada dalam keadaan yang memungkinkannya melakukan pembalasan yang setimpal. (ilmudisiber, 2021)

# Memaafkan adik beradik kita

**“Yusuf berkata: “Kamu pada hari ini tidak akan ditempelak atau disalahkan (tentang perbuatan kamu yang telah terlanjur itu), semoga Allah mengampunkan dosa kamu, dan Dia lah jua Yang Maha Mengasihani daripada segala yang lain yang mengasihani.” (Surah Yusuf 12: 92)**

**Ketika Nabi Yusuf menjadi orang yang berkuasa dan mempunyai pangkat dalam Kerajaan Mesir, baginda masih merendah diri dan akhirnya memaafkan saudara-saudaranya sekalipun mereka pernah menganiaya dirinya. (islamituindah)**

# Rujukan

Arifin, 2016. Pendidikan Moral Dalam Kisah Yusuf As. *Jurnal Kordinat Vol 15, No 1 (2016)*, ISSN: [2654-8038](#), STAI Binamadani Tangerang

<http://journal.uinjkt.ac.id/index.php/kordinat/article/view/6312>

<https://sites.google.com/site/ilmudisiber/kisah-nabi/kisah-nabi-yusuf-a-s/pengajaran-yang-didapat-dari-kisah-nabi-yusuf-a-s>

<https://www.islamituindah.my/5-pengajaran-dari-surah-yusuf-mampu-membantu-kita-hidup-lebih-baik/>

<http://fadlan-mohd-othman.blogspot.com/2014/02/beberapa-faedah-daripada-surah-yusuf.html>

<http://firmanallahtaala.blogspot.com/2016/02/sesungguhnya-syaitan-itu-hanyalah.html>





Sekian Terima Kasih